

KOPENAS MENAWARKAN SATU PRODUK BARU PEMBIAYAAN MINI KHAS UNTUK KEGUNAAN PEMEGANG KAD DEBIT-I KOPENAS

PENGENALAN

Kad Debit-i KOPENAS diwujudkan bertujuan untuk membantu Anggota KOPENAS berbelanja dengan berhemah terutama membeli barang keperluan harian sebagai contoh kad ini boleh digunakan untuk membeli barangan dapur, tiket penerbangan, pembayaran hotel dan sebagainya.

Senario sekarang menunjukkan pembelian barang keperluan harian banyak dibayar menggunakan Kad Kredit, kadangkala penggunaan Kad Kredit dengan 'interest' yang tidak berpatutan ini akan memerangkap pengguna yang berbelanja berlebihan tanpa mengira kesan akan datang seterusnya mengakibatkan kadar bankrap/mufliis meningkat.

Dengan adanya Kad Debit-i KOPENAS ini juga anggota tidak perlu membawa wang tunai yang banyak untuk berbelanja, ini dapat mengurangkan risiko kes ragut yang kerap berlaku pada masa kini.

Untuk mengelakkan perkara sebegini berlaku kepada Anggota, maka KOPENAS dengan kerjasama Bank Rakyat mengambil langkah memperkenalkan produk baru iaitu Pembiayaan Mini Kad Debit-i KOPENAS.

Pembiayaan ini ditawarkan daripada RM2,000 sehingga RM 10,000 dengan kadar keuntungan 4% sehingga 4.5% setahun dan bayaran balik dari 12 bulan sehingga 60 bulan jadual bayaran dilampirkan.

OBJEKTIF

1. Memberi Pembiayaan secara Online.
2. Menggalakan Anggota meminjam dalam skala yang kecil dengan tempoh bayaran balik yang singkat.
3. Membantu anggota berbelanja secara berhemah tanpa perlu memikirkan bayaran atau penyata bayaran akan datang.

4. Membantu Anggota daripada terperangkap dalam penggunaan Kad Kredit secara berlebihan dengan ini, dapat mengurangkan kadar muflis/bankrap dikalangan pengguna terutama Anggota KOPENAS.

KELAYAKKAN DAN SYARAT MEMOHON BAGI YANG BELUM MENJADI ANGGOTA

1. Berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Mendaftar menjadi Anggota KOPENAS dengan pendaftaran masuk RM 10.00 dan saham RM 100.00.
3. Mengisi borang permohonan Pembiayaan Mini dan sertakan dua (2) bulan slip gaji yang terkini disahkan majikan.
4. Setelah lulus pembiayaan bayaran yuran modal selama 6 bulan (RM 180.00) akan ditolak daripada jumlah pembiayaan.
5. Jika umur bersara 58 atau 60 tahun perlu sertakan surat opsyen yang disahkan majikan.
6. Wang proses dikenakan sebanyak RM 100.00.
7. Segala kos guaman, duti setem, perjanjian dan lain-lain yang berkenaan, jika ada hendaklah ditanggung oleh peminjam/pemohon.

CARA PEMBAYARAN

1. Potongan gaji melalui ANGKASA.
2. Potongan melalui Yuran Modal simpanan bagi Anggota yang mempunyai Yuran Modal yang melebihi RM 2,000.00.